

'Kongsi kemakmuran bersama'

PM mahu WIEF jana ekonomi, pertingkat dagangan sesama negara Islam

Oleh Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata menjadi tanggungjawab negara Islam untuk membantu sesama mereka supaya dapat berkongsi kemakmuran, bukannya kemiskinan.

Perdana Menteri berkata, negara Islam tidak seharusnya mengharapkan pihak lain untuk memainkan peranan membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan.

Beliau berkata, kemiskinan di pelbagai negara Islam menyebabkan pelbagai masalah lain seperti buta huruf, kurang zat makanan, penyakit dan jenayah. Oleh itu, kitaran pelbagai masalah berkenaan mesti dipecahkan.

"Forum WIEF amat perlu kerana terlalu ramai umat Islam yang hidup dalam kemiskinan dan serba kekurangan di seluruh dunia"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

"Justeru, cabaran bagi Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) ialah untuk menjana interaksi ekonomi dan perdagangan yang lebih luas di kalangan negara Islam.

"Ini amat perlu kerana terlalu ramai umat Islam yang hidup dalam kemiskinan dan serba kekurangan di seluruh dunia," katanya pada pelancaran Yayasan WIEF di sini, malam tadi. Hadir sama Pengerusi Yayasan WIEF, Tun Musa Hitam.

Abdullah berkata, sebahagian besar orang Islam di negara berkenaan hidup miskin dan melarat.

Pendapatan perkapita purata mereka yang tinggal di negara Islam ketika ini AS\$1,100 (RM4,070), berbanding negara lain yang purata pendapatan perkapita AS\$5,133 (RM18,992).

Kira-kira 50 peratus daripada penduduk di negara Islam hidup dengan pendapatan kurang AS\$2 (RM7.40) sehari, satu jumlah yang tidak mencukupi untuk menyara hidup, katanya.

Justeru, Perdana Menteri berkata, WIEF harus menjadi platform bagi interaksi bersinergi antara pemimpin kerajaan, masyarakat awam dan tokoh perniagaan daripada kalangan masyarakat Islam.

Abdullah yang juga Pengerusi Perubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, WIEF hendaklah menjadi medan bagi mengenal pasti dan menggalakkan peluang perniagaan serta pelaburan, bukan saja di kalangan negara Islam malah bukan Islam.



PASTIKAN BERJAYA: Abdullah (empat dari kanan) bergambar bersama Musa serta ahli jawatankuasa Yayasan WIEF sempena pelancarannya di Kuala Lumpur, malam tadi.

Katanya, sektor swasta boleh merebut peluang daripada forum ini untuk menyuarakan kemusykilan mereka dan mengemukakan cadangan kepada pemimpin tertinggi serta pembuat keputusan dalam suasana tidak formal.

"Paling penting, forum ini perlu memberi sumbangannya ke arah memperkukuhkan persaudaraan Islam, di samping menggalakkan usaha sama berdaya maju dan perkongsian pintar," katanya.

Dalam bidang pelaburan dan per-

dagangan antarabangsa, Abdullah berkata, negara Islam perlu memanfaatkan sepenuhnya pasaran khusus mereka iaitu bagi produk dan perkhidmatan halal yang mana negara Islam seharusnya menjadi peneraju bidang itu.